

10 April 2017 (Isnin)



LEE (tengah) bersama sebahagian pembeli rumah projek terbaru syarikat itu di Bandar Sri Sendayan.

Seremban: Matrix Concepts Holdings Berhad (Matrix Concepts), pemaju harta tanah tempatan melancarkan projek perumahan terbaru, Ara Sendayan di kawasan seluas 78.51 hektar di Bandar Sri Sendayan, semalam.

Projek berkenaan dijangka siap dalam tempoh tiga tahun kewangan yang mempunyai Nilai Pembangunan Kasar (GDV) RM900 juta mengandungi 1,300 unit rumah kediaman.

Projek fasa pertama membabitkan pembinaan 269 unit rumah teres dua tingkat jenis Adira yang dijual pada harga minimum RM618,888.

Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Eksekutif Matrix Concepts Datuk Lee Tian Hock berkata, rumah ber-

Matrix Concepts lancar projek perumahan terbaru

kenaan dibina mengikut keperluan masa kini yang mempunyai empat bilik dan empat bilik air.

“Adira lebih luas dan sesuai selain reka bentuk baru sesuai dengan kehendak pembeli, malah harga ditawarkan kompetitif jika dibandingkan di Kuala Lumpur.

“Saya yakin projek terbaru ini akan mendapat sambutan baik kerana harganya lebih rendah, malah sejak pendaftaran dibuka semalam (kelmarin), ramai pembeli terutama dari Lembah Klang mendaftar,” ka-

tanya selepas melancarkan projek itu di sini, semalam.

Dalam perkembangan lain, Lee menafikan permintaan terhadap pembelian rumah berkurangan berikutan keadaan ekonomi yang kurang memberangsangkan.

“Ia tidak benar, malah permintaan terhadap rumah kediaman di daerah ini masih tinggi menyebabkan kami yakin projek baru itu mampu memenuhi keperluan orang ramai kerana lokasinya strategik di kawasan pembangunan bandar baru yang pesat membangun.

“Kita sudah melalui dua

krisis ekonomi pada 1997 dan 2007 dan kita tahu bagaimana menguruskan krisis itu. Bekalan rumah tidak akan pernah mencukupi kerana jumlah penduduk bertambah setiap tahun,” katanya.

Beliau berkata, semakin ramai pembeli rumah terutama dari Lembah Klang yang mula mencari harta tanah di negeri ini khususnya sekitar Seremban.

“Ia bukan hanya mengenai harga dan lokasi. Walaupun harga anda tinggi, orang ramai akan memilih produk anda jika kualitinya baik,” katanya.